

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO**

**(KLANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22.10.2015**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk mengurangkan beban terhadap pemandu-pemandu teksi yang terpaksa membayar cukai GST sebanyak empat kali. Adakah Kerajaan sudi untuk menyifarkan kadar GST bagi pemandu teksi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah struktur GST yang

dilaksanakan di Malaysia, perkhidmatan pengangkutan awam termasuk perkhidmatan teksi telah ditetapkan sebagai pembekalan dikecualikan. Ini bermakna pengguna perkhidmatan tersebut tidak perlu membayar GST ke atas tambang bagi semua mod pengangkutan awam termasuk teksi. Bagi penyedia perkhidmatan teksi, isu pembayaran GST sebanyak empat kali adalah tidak berbangkit. Sebenarnya pemandu tidak menanggung kos GST yang tinggi. Ini disebabkan pemandu teksi telah diberi pelepasan dari membayar GST ke atas pembelian teksi bajet buatan nasional. Selain itu, pemandu teksi juga mendapat manfaat melalui pelepasan GST yang telah diberi di peringkat pembelian runcit minyak petrol RON 95, diesel dan NGV.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah layanan GST sedia ada yang telah sewajarnya dapat membantu pemandu teksi untuk mengurangkan kesan kenaikan kos operasi perkhidmatan teksi.